

## Amalan Pengajaran Adaptif Pacu Pendidik Hadapi Era Industri 5.0

**Tanjong Malim, 17 Julai** - Keberkesanan amalan pengajaran adaptif dan reflektif menjadi faktor utama dalam melahirkan pendidik masa depan yang bersedia mengemudi cabaran Era Industri 5.0. Timbalan Menteri Pendidikan Wong Kah Woh berkata, landskap pendidikan hari ini menuntut guru bukan sahaja menguasai kandungan akademik tetapi juga berupaya mengintegrasikan teknologi pintar, pemikiran reka bentuk dan empati kemanusiaan dalam pendekatan bilik darjah.

"Kita tidak lagi bercakap tentang pengajaran konvensional semata-mata. Hari ini, kita bercakap tentang pengajaran yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan, teknologi pintar dan pendekatan yang memanusiakan pendidikan. Beliau berkata demikian ketika merasmikan 1st International Teaching Practice Symposium (ITPS) 2025 di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI. Simposium bertemakan "Memperkasakan Pendidik Masa Depan dalam Era Industri 5.0" itu menghimpunkan lebih 30 pembentangan kertas kerja daripada ahli akademik, penggubal dasar, pengamal pendidikan dan wakil industri dari pelbagai negara, khususnya rantau ASEAN.

Wong berkata, guru masa kini perlu mempunyai kebolehan menyesuaikan pendekatan pedagogi secara fleksibel, berkemahiran dalam teknologi digital, serta prihatin terhadap kesejahteraan pelajar selain mampu memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat. "Amalan pengajaran yang berkesan perlu berasaskan bukti, dipacu data dan sentiasa terbuka kepada penambahbaikan. Guru pelatih perlu dididik untuk menilai keberkesanan amalan mereka dan membina jaringan profesional yang kukuh.

"Saya percaya ITPS 2025 menjadi bukti bahawa universiti pendidikan tempatan mampu memimpin inovasi pendidikan bertaraf antarabangsa," ujar beliau.

Sementara itu, Pengarah, Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PULAMI) UPSI, Prof Madya Dr Ashardi Abas berkata, latihan mengajar kini bukan lagi sekadar keperluan kurikulum tetapi menjadi penentu utama kepada kesediaan guru berhadapan dengan realiti pendidikan global. "Guru praperkhidmatan hari ini berhadapan bilik darjah yang pelbagai budaya dan bahasa, gangguan teknologi seperti AI dan realiti maya, serta krisis kesihatan mental dalam kalangan pelajar yang memerlukan empati dan intervensi masa nyata.

Beliau berkata, dilema menyeimbangkan antara penyeragaman dan keperluan pemperibadian turut menjadi cabaran semasa, bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh ASEAN dan peringkat global. Beliau turut menyarankan agar masa depan latihan guru di Malaysia ditumpukan kepada pengukuhan hubungan antara latihan universiti dan realiti sekolah dengan mengintegrasikan kemahiran digital, pedagogi kritis dan pendidikan inklusif dalam setiap praktikum.

"Di peringkat serantau, kita perlu membayangkan pertukaran praktikum rentas sempadan, dan pada skala global pula, guru perlu dilatih untuk memimpin bilik darjah yang mencerminkan kompleksiti dunia," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## 68 Lukisan Diperagakan: UPSI Hidupkan Warisan Seni Mahasiswa Berbakat

**Tanjong Malim, 18 Julai** - UPSI menerusi Institut Peradaban Melayu (IPM) akan menganjurkan Pameran Khas Seni Visual Allahyarham Muhammad Mustaqim Rosde, bermula 30 September hingga 31 Disember 2025 bertempat di Galeri Seni UPSI.

Pameran ini merupakan inisiatif memperingati dan meraikan bakat luar biasa Allahyarham yang merupakan mahasiswa Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK) UPSI. Allahyarham telah terkorban dalam kemalangan bas UPSI di Jalan Raya Timur-Barat (JRTB), Gerik pada 9 Jun lalu. Menurut Pengarah IPM, Prof. Dr. Tajul Shuhaimi Said, idea penganguran pameran ini tercetus hasil kunjungan hormat ke kediaman keluarga Allahyarham di Kampung Telaga Nibong, baru-baru ini.

"Kunjungan ini bertujuan menjalin silaturahim serta menguruskan proses dokumentasi dan peminjaman karya seni Allahyarham. Sebanyak 68 karya seni telah diserahkan oleh keluarga untuk dibawa pulang ke UPSI bagi tujuan konservasi dan pembingkaihan sebelum dipamerkan," katanya.

Karya-karya Allahyarham menampilkan kekuatan estetika dan teknik - termasuk lukisan bertemakan langit dan laut, dengan penggunaan warna berani, sapuan lembut serta elemen naratif yang penuh emosi dan ekspresif. Menariknya, sebahagian karya akan dicetak semula secara terhad dan dijual melalui lelongan amal sepanjang tempoh pameran. Keseluruhan hasil kutipan akan disumbangkan kepada keluarga Allahyarham sebagai tanda penghargaan dan solidariti warga UPSI.

## Ceramah "Pengurusan Krisis dalam Institusi Pendidikan Tinggi"

**Putrajaya, 14 Julai** - Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff diberikan amanah untuk menyampaikan ceramah dalam Program Karisma Pemimpin MADANI (Pentadbir Muda IPT) yang diadakan di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT).

Ceramah yang bertajuk "Pengurusan Krisis dalam Institusi Pendidikan Tinggi" ini telah membuka ruang kepada beliau untuk berkongsi pengalaman serta cabaran yang ditempuhi sepanjang penglibatan beliau bersama pengurusan dan warga Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam menguruskan krisis yang di luar jangka.

Beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak AKEPT atas jemputan yang amat bermakna ini. Adalah menjadi satu penghormatan buat beliau untuk berkongsi pandangan bersama para pentadbir muda IPT yang bakal menjadi tonggak kepimpinan institusi masing-masing, bukan sahaja di peringkat nasional malah di persada antarabangsa.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua peserta. Program berimpak tinggi ini diyakini mampu melahirkan barisan pentadbir muda yang berwibawa, berdaya saing, serta cekap dalam mengurus krisis dan cabaran dengan penuh profesional.



## Projek Pemindahan Ilmu (KTP) – Asas Latihan Kecergasan untuk Jurulatih Wanita Daerah Larut, Matang dan Selama Perak

Program ini bertujuan melatih jurulatih kecerdasan wanita bagi meningkatkan penyertaan wanita Muslim dalam aktiviti kecerdasan dan dijalankan di Kompleks Rakan Muda Taiping dengan kerjasama Safuan SS Enterprise yang melibatkan 30 jurulatih dan 30 peserta sedentari. Peranan jurulatih peribadi wanita merangkumi penyesuaian latihan mengikut perubahan hormon kitaran haid, faktor psikologi, pemakanan dan gaya hidup untuk membantu wanita mencapai matlamat kecerdasan secara berkesan dengan sokongan positif dan hubungan yang membina.

### ILMU YANG BERJAYA DIPINDAHKAN

Program Asas Latihan Kecergasan LMS Perak berjaya meningkatkan ilmu, kemahiran ujian fizikal dan sikap jurulatih wanita dengan peningkatan melebihi 50% membuktikan keberkesanan pendekatan latihan yang digunakan.

### HASIL AKHIR KEPADA INDUSTRI/ KOMUNITI (SASARAN)

#### SASARAN

Program ini meningkatkan kemahiran merancang sesi latihan suaian fizikal untuk wanita, menambah idea latihan khusus wanita serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan latihan yang sesuai untuk wanita.

#### HASIL AKHIR KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Program ini meningkatkan komunikasi kejurulatihan kepada wanita, menambah ilmu suaian fizikal khusus wanita secara teori dan praktikal serta meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam pengurusan.

#### PULANGAN AKHIR KEPADA IPTA

UPSI berpotensi menjadi rujukan utama dalam kejurulatihan suaian fizikal, kaedah latihan spesifik dan program konsultansi suaian fizikal khusus untuk wanita pada masa hadapan.

#### HASIL AKHIR TIDAK LANGSUNG YANG DITERIMA OLEH INDUSTRI/ KOMUNITI (SASARAN)

Program ini meningkatkan kualiti perancangan jenis latihan, perancangan masa latihan serta kualiti latihan teknikal dan taktikal khusus untuk wanita memastikan latihan lebih berkesan dan teratur.

#### ISU/ MASALAH/ CABARAN KETIKA MELAKSANAKAN PROGRAM

Program menghadapi cabaran kekangan masa, tahap pengetahuan berbeza, kemudahan terhad, motivasi rendah, cabaran sosial budaya serta kesukaran menilai keberkesanan.

#### NAMA PENYELIDIK:

- Dr. Noorhaliza Osman (Ketua) - FSSK
- PM Dr. Ali Md Nadzalan - FSSK
- Cik Nor Fazila Abd Malek - FSSK



## MMK KUO Sidang AYRIS Tamatkan Tugas, Barisan Baharu Sidang 2025/2026 Rasmi dilantik



## Kontinen KUO Dinobat Naib Juara Keseluruhan Dua Tahun Berturut-turut SUPER UPSI dan KEJORA 2025

## HONOR, UPSI Teroka Kerjasama Bangunkan Teknologi AI Pendidikan